

*Perutusan***SETIAUSAHA AGUNG  
MERANGKAP  
PENGERUSI PENGANJUR**

Salam Hormat dan Salam Sejahtera.

Bagi pihak Jawatankuasa Penganjur, sukacita saya mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari sekalian ke Perhimpunan Agung Tahunan PBS kali yang Ke-23 pada 1 & 2 November 2008 ini. Sesungguhnya kehadiran ini sangat-sangat bermakna sekali kepada PBS, lebih-lebih lagi di dalam keadaan politik yang sedang bergolak dewasa ini.

Kita bersyukur kepada Ilahi kerana dengan berkat dan izin-Nya jua kita dapat berkumpul mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan PBS kali ini. Dalam kesempatan ini juga saya berterima kasih kepada Majlis Tertinggi PBS kerana memberi kepercayaan kepada Jawatankuasa Penganjur ini untuk mengendalikan pelaksanaan kongres pada tahun ini. Seperti biasa sungguhpun kita membuat persiapan sebaik yang mungkin, memang terdapat kelemahan dan kekurangan di sana-sini. Justeru, saya memohon ampun dan maaf bagi pihak Jawatankuasa Penganjur. Kata orang, "Laut mana tidak berombak, bumi mana tidak ditimpa hujan".

Ekoran daripada pilihanraya umum 8 Mac 2008 yang lalu, nampaknya 'landskap' politik dewasa ini sudah berubah. Ianya memerlukan dan juga menuntut supaya semua parti komponen Barisan Nasional memeriksa aspek dalaman parti dan kalau perlu mengadakan 'rebranding and reform' terhadap parti masing-masing. PBS tidak terkecuali dalam hal ini. Ini disebabkan sama ada parti-parti komponen mungkin terlalu 'complacent' selama ini ataupun keperluan dan kehendak rakyat sudah jauh berubah. Oleh itu mulai sekarang kita semua harus menggembelngkan tenaga untuk memperbaiki dan menguatkan PBS jika kita hendakkannya terus menjadi relevan, kalau tidak kita akan hanyut bersama dengan arus perubahan. Sebagai pemimpin dan ahli PBS, setiap kita mempunyai peranan dan bertanggungjawab untuk memastikan PBS terus utuh dan berperanan di dalam pentadbiran negeri Sabah, khususnya. Justeru, Perhimpunan Agung Tahunan ini adalah menjadi titik-tolak bagi kita untuk meningkatkan prestasi PBS di dalam semua aspek supaya ianya terus menjadi wadah perjuangan rakyat Sabah yang berbilang kaum.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada barisan AMT, Pergerakan Pemuda dan Wanita dan juga peringkat Bahagian/cawangan di atas kerjasama, dorongan dan kefahaman yang berterusan. Tanpa sokongan dan bantuan ini, maka sudah pasti kami tidak dapat menjalankan amanah yang diberikan kepada kami.

Sekian, selamat bersidang.

YB DATUK RADIN MALLEH, JP